



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
Jabatan Kesihatan Persekitaran

KENYATAAN TAWARAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat/kontraktor yang bertaraf **Bumiputera Negeri Terengganu** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **221506 (Penyewaan dan Pengurusan Bangunan)** dan yang masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	NO SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	HARGA DOKUMEN
1.	MBKT SH 18/2026	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN TANDAS AWAM DI KOMPLEKS HENTIAN BAS MBKT 3,KUALA TERENGGANU (TAWARAN SEMULA).	Dokumen Sebutharga RM 20.00 Senaskah

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras 20, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** dengan harga **RM 20/ = Senaskah (Tunai Atau Bank Draf Sahaja)**. Penyebut harga hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja dalam bidang berkaitan hendaklah dikembarkan bersama Dokumen Sebutharga didalam sampul surat dan dihantar ke alamat :

DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

dengan menulis di sebelah luar **“No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH 18/2026”** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga & Tender, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Tingkat 18 Menara MBKT, No, 1, Jalan Warisan Tanjung 1, 20000 Kuala Terengganu tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **3 Mac 2026 (Selasa)**.

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana- mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **22 Februari 2026 (Ahad)** hingga **2 Mac 2026 (Isnin)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen syarikatnya boleh disyorkan untuk di senarai hitamkan oleh Majlis dan Pihak Berkuasa.

t.t

(HAJI LIZAN BIN CHE MAT)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu